

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ
BIN OMAR
(POKOK SENA)**

**TARIKH : 18.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pegawai dan anggota tentera yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah tentera sejak tahun 1980 hingga Februari 2014. Nyatakan jenis-jenis kesalahan dan jumlahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod kementerian secara purata bilangan pegawai dan anggota yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tentera sejak tahun 1980 sehingga 2014 adalah seramai 107 orang setahun.

Jenis-jenis kesalahan yang didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tentera adalah seperti Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC), Tinggal Tugas, kes-kes melibatkan dadah, dahagi (penentangan terhadap pemerintah) serta kesalahan-kesalahan tata tertib yang memudaratkan perkhidmatan ATM.